

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

JKA 411 - Agama dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **soalan 1 (wajib)** di Bahagian A, **satu** soalan daripada Bahagian B dan **satu** soalan daripada Bahagian C.

BAHAGIAN A

1. Berikan takrifan dan penerangan tentang mana-mana **dua** (2) konsep berikut:

- (i) Mitos
- (ii) Magis
- (iii) Kepercayaan Sinkretik
- (iv) Upacara-amal

(100 markah)

BAHAGIAN B

Jawab mana **satu** soalan daripada bahagian ini.

2. Senaraikan dan jelaskan unsur yang menjadikan sesuatu sistem kepercayaan sebagai suatu "agama" mengikut penilaian ahli-ahli antropologi dan sosiologi.

(100 markah)

3. Jelaskan perbezaan antara pendekatan Evolusi dan pendekatan Fungsional dalam mengkaji agama.

(100 markah)

4. Terangkan proses bagaimana salah satu unsur dalam agama menjadi asas bagi mengujudkan kestabilan dan kesepaduan struktur dan peraturan sesebuah masyarakat mengikut saranan Durkheim **atau** Max Muller.

(100 markah)

BAHAGIAN C

Jawab mana-mana **satu** soalan daripada bahagian ini.

5. Mengikut Sosiologi dan Antropologi, agama sesuatu masyarakat berkembang dan berevolusi dari bentuk asas (anamisme) kepada monotheisme selari dengan tahap perkembangan suasana persekitaran ekonomi serta politik sesuatu masyarakat. Bincangkan sama ada pernyataan ini boleh diterima atau tidak berdasarkan contoh mana-mana kaum di Malaysia sekarang.

(100 markah)

6. Agama telah terbukti sebagai penergerak dan pemangkin kepada perkembangan tamadun manusia tetapi agama juga pernah dalam sejarah manusia menjadi alat pengesahan bagi penderaan dan pembunuhan sesama manusia. Bincangkan kontradiksi ini dengan contoh yang sesuai dan nilaikan bagaimana agama menjadi dan dijadikan alat politik.

(100 markah)

oooOooo